

22 JAN 2001

Ng-Rumah

RUMAH TERBUKA MALAYSIA SEMPERA TAHUN BARU CINA DI PULAU PINANG

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Selepas kejayaan menganjurkan Rumah Terbuka Malaysia sempena Aidilfitri di ibu negara pada 6 Jan lepas, Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan kini bercadang mengadakan acara yang sama bagi merayakan sambutan Tahun Baru Cina tidak lama lagi.

Timbalan Menterinya Datuk Dr Ng Yen Yen berkata, bezanya, Rumah Terbuka Malaysia sempena Tahun Baru Cina itu akan diadakan di sepanjang Jalan Cannon, Lebu Pantai dan Leboh Armenian, di Pulau Pinang pada 4 Feb dari 5 petang hingga 11 malam.

"Konsep pelaksanaan rumah terbuka lebih mirip kepada karnival ataupun "street party", " katanya pada sidang media di Kementerian itu di sini, hari ini.

Menurut beliau, pelbagai acara menarik telah disusun bagi memeriahkan rumah terbuka itu termasuklah persembahan tarian singa daripada Johan Pertandingan Tarian Singa Dunia.

Antara objektif mengadakan rumah terbuka itu ialah untuk memberi peluang kepada pelancong dalam dan luar negara untuk memahami dan menikmati keharmonian hidup masyarakat majmuk di Malaysia.

Dr Ng berkata, acara itu yang akan dikelola bersama Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dijangka dapat menarik kehadiran lebih 20,000 pelancong dari dalam dan luar negara.

Bagaimanapun, katanya, hanya 2,500 tetamu yang menerima kad jemputan rasmi daripada Kementerian akan menikmati hidangan yang disediakan secara percuma.

"Kepada yang lain, mereka dikehendaki mendapatkan kupon yang akan diedarkan kerana, gerai-gerai makan yang turut serta di sepanjang jalan itu adalah di bawah kelolaan pihak berkuasa pelancongan negeri," katanya.

Menurut beliau, antara juadah yang akan disajikan ialah makanan popular Pulau Pinang seperti laksa, popia, pasembor serta ais kacang istimewa.

Antara tetamu kehormat yang dijangka hadir di rumah terbuka itu nanti ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta Menteri-menteri Kabinet lain.

Sementara itu Dr Ng berkata, pihaknya telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Imigresen untuk mengadakan dua lorong khas bagi mengendalikan urusan imigresen bagi hampir 12,000 pelancong Cina yang bercuti di negara ini sempena Tahun Baru Cina.

Kesemua pelancong itu akan menaiki 40 penerbangan sewa khas dari Hong Kong, Macau, Taiwan dan China.

"Kebanyakan pelancong ini akan berada di Malaysia sekurang-kurangnya selama empat malam dan kami berharap semua pihak yang terlibat dalam industri pelancongan seperti Imigresen, kastam, pengusaha hotel, pemandu teksi serta pemilik-pemilik kedai kraftangan dan cenderahati dapat bekerjasama untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik," katanya.

-- BERNAMA

NHA AHH PR